Ruj. Fail: JBPM/IP/BPK: 100(S)-1/9/3 ( 2 ) No Siri :

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

---

**PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH**
**BILANGAN 2 TAHUN 2020**

---

**PENGKOMPAUNAN KESALAHAN**
(Seksyen 59 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan
Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Pengkompaunan Kesalahan) 2000 [P.U. (A) 313/2000],
Pindaan 2004 [P.U. (A) 281/2004])

## TUJUAN

1. Perintah Tetap ini adalah bertujuan untuk menggaris dan menyelaraskan tatacara penguatkuasaan pengkompaunan kesalahan bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

## LATAR BELAKANG

2. Kesalahan boleh kompaun bawah Akta 341 telah ditetapkan menerusi peraturan berikut:-

2.1. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) 2000 [P.U. (A) 313/2000] seperti di **Lampiran A**; dan

2.2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2004 – [P.U. (A) 281/2004] seperti di **Lampiran B**.

## PUNCA KUASA

3. Penguatkuasaan pengkompaunan kesalahan hendaklah dilakukan oleh Pegawai Bomba yang diberi kuasa atas peruntukan kesalahan boleh kompaun. Peruntukan kuasa untuk pelaksanaan pengkompaunan kesalahan adalah seperti berikut:-

3.1. Seksyen 59, Akta 341 pindaan 2018;

3.2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) 2000 [P.U. (A) 313/2000]; dan

3.3. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2004 – [P.U. (A) 281/2004].

## TAFSIRAN

4. Dalam Perintah Tetap ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain seperti berikut:-

4.1. “**Ketua Pegawai Pengkompaun (KPP)**” ertinya Pegawai Bomba yang menjawat jawatan sebagai Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran atau Penolong Pengarah Negeri, Bahagian Penyiasatan Kebakaran atau Ketua Zon;

4.2. “**Pegawai Pengkompaun (PP)**” ertinya Pegawai Bomba yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah menerusi surat pegawai diberi kuasa bagi melaksanakan aktiviti pengkompaunan kesalahan bawah peruntukan Akta 341;

4.3. ”**pegawai diberi kuasa**” ertinya mana-mana pegawai yang mempunyai erti yang sama kepadanya bawah seksyen 2, tafsiran pegawai diberi kuasa, Akta 341;

4.4. ”**pegawai bertanggungjawab**” ertinya mana-mana Pegawai Bomba yang dipertanggungjawab untuk meneliti dan menyemak pelaporan aduan kompaun mengikut peringkat pengurusan.

4.5. ”**JBPM**” ertinya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;

4.6. ”**BBP**” ertinya Balai Bomba dan Penyelamat;

4.7. ”**kesalahan boleh kompaun**” ertinya kesalahan yang boleh dikompaunkan bawah peruntukan Akta 341;

4.8. ”**menutup**” ertinya apa-apa perbuatan yang menyebabkan Pili Bomba terlindung, tersembunyi atau tersorok sebahagian atau keseluruhannya dengan sesuatu

benda atau binaan sehingga menyebabkan tempatnya sukar dipastikan atau ia sukar digunakan. Contohnya melonggokkan sampah, kayu, timbunan tanah atau pasir, timbunan kain atau kanvas, tong, atau lain-lain objek.

4.9. "**mengepung**" ertinya apa-apa perbuatan yang menyebabkan Pili Bomba menjadi terkurung, terlindung atau tersembunyi sebahagian atau keseluruhannya dengan sesuatu benda atau binaan sehingga kedudukannya sukar untuk ditemui atau sukar digunakan. Contohnya membina tembok, pagar, meletakkan kenderaan, tanaman, kayu atau lain-lain objek.

4.10. "**menyembunyi**" ertinya apa-apa perbuatan melindungi atau menyorokkan Pili Bomba sebahagian atau keseluruhannya dengan sesuatu menyebabkan ia tidak kelihatan atau sukar dikesan atau digunakan. Contohnya membina dinding, melonggokkan timbunan tayar, tanah, kayu, kertas, tong dan lain-lain.

4.11. "**mengganggu**" ertinya apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan Pili Bomba tidak berada dalam keadaan baik atau sukar untuk digunakan atau terjejas dari keadaan asal. Contohnya menurap, memasukkan batu, kayu, kaca atau sampah di dalam ruangan injap pili, mengubahsuai mana-mana bahagian pili, merosakkan pili, melanggar, menanggalkan mana-mana bahagian pili, melanggar atau mengetuk mana-mana bahagian pili atau mengecat dengan warna yang tidak sepatutnya.

4.12. "**fakta**" ertinya apa-apa benda atau perkara yang mempunyai erti yang sama kepadanya bawah seksyen 3, Akta Keterangan 1950 ( Akta 56).

4.13. "**notis**" ertinya sesuatu kenyataan bertulis atau notis bertulis sama seperti bawah seksyen 2, tafsiran notis, Akta 341.

4.14. "**dokumen**" ertinya apa-apa benda atau perkara yang mempunyai erti yang sama kepadanya bawah seksyen 3, tafsiran dokumen, Akta Keterangan 1950 ( Akta 56).

## KESALAHAN BOLEH KOMPAUN

5. Terdapat beberapa kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun:-

5.1. Menurut Peraturan 2 [P.U. (A) 313/2000]; dan Peraturan 2 [P.U. (A) 281/2004], kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen-subseksyen 23(4), 25(2) dan seksyen-seksyen 26, 47, 52 dan 55, dan;

5.2. Menurut Peraturan 7A, Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2002 [P.U. (A) 334/2002], kesalahan-kesalahan boleh dikompaun adalah sepertimana subperaturan 3(5), 5(3) dan 6(2).

5.3. Petikan seksyen, subseksyen dan peraturan adalah sepertimana di **Lampiran C**.

6. Kesalahan-kesalahan lain yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan dari semasa ke semasa.

**KADAR BAYARAN KOMPAUN**

7. Seksyen 59 Akta 341, memperuntukkan kompaun yang boleh dikenakan adalah **tidak melebihi RM 500.00**. Kadar kompaun hendaklah merujuk kepada jenis kesalahan (seksyen atau peraturan) dan status pelanggaran. Butiran mengenai kadar kompaun yang ditetapkan adalah seperti di **Lampiran D**.

**KAEDAH PELAKSANAAN KOMPAUN**

8. Terdapat dua kaedah pelaksanaan pengkompaunan boleh dilakukan, iaitu:-

8.1. Pengaduan: Pegawai Pengkompaun menerima suatu aduan kesalahan boleh kompaun menerusi **Borang KOM 1**. Pengkompaunan ini hendaklah melalui tindakan pemeriksaan atau penyiasatan awal oleh pegawai yang bertanggungjawab atas aduan yang diterima. Tatacara dan proses aliran kerja menerusi aduan adalah seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**.

8.2. Pengkompaunan Terus: Pegawai Pengkompaun melakukan pengkompaunan secara terus menerusi suatu pemeriksaan yang dilakukan dan berpuas hati bahawa kesalahan tersebut wajar dibuat pengkompaunan. Tatacara dan proses aliran kerja pengkompaunan ini adalah seperti di **Lampiran F dan F1**.

**PENGELUARAN NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

9. Merujuk Peraturan 3 [P.U. (A) 313/2000], dan JADUAL Peraturan 3 [P.U. (A) 281/2000] Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2004, Pegawai Pengkompaun boleh mengeluarkan suatu NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUNKAN KESALAHAN (**BOMBA 4A**) kepada orang melakukan kesalahan boleh kompaun dengan memberi suatu tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari (waktu

bekerja) daripada tarikh tawaran pengkompaunan itu disampaikan supaya orang itu dapat membuat pembayaran atas kesalahan yang dilakukan. Borang **BOMBA 4A** hendaklah disampaikan bersama borang **BOMBA 4B** kepada orang yang melakukan kesalahan tersebut. Panduan pengisian **BOMBA 4A** adalah seperti di **Lampiran G**.

**BUKU REKOD UTAMA BUTIR-BUTIR KES KOMPAUN**

10. Setiap maklumat yang berkaitan dengan kes kompaun hendaklah direkodkan dalam **BUKU REKOD UTAMA BUTIR-BUTIR KES KOMPAUN** yang diedarkan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran Ibu Pejabat JBPM. Perintah Tetap Ketua Pengarah ini hendaklah disemak dari semasa ke semasa supaya berada dalam keadaan lengkap dan kemas serta maklumat pembayaran kes kompaun dikemaskini secara teratur setiap bulan. Contoh maklumat yang diperlukan dalam **BUKU REKOD UTAMA BUTIR-BUTIR KES KOMPAUN** adalah seperti di **Lampiran H.** Sekiranya kompaun tidak dibayar setelah tempoh tawaran kompaun tamat, Kertas Siasatan (IP) hendaklah dibuka dengan kadar segera dan kes kompaun disifatkan selesai mengikut status lengkap penyediaan IP tersebut.

**BAYARAN KOMPAUN**

11. Kaedah bayaran kompaun adalah merujuk kepada Peraturan 7, [P.U. (A) 313/2000]. Pembayaran boleh dibuat di Ibu Pejabat JBPM, Ibu Pejabat JBPM Negeri, Pejabat Zon dan Balai yang mempunyai tanggungjawab membuat kutipan hasil. Pembayaran yang dibuat hendaklah dengan mengisi lengkap borang BOMBA 4B. Tatacara pembayaran kompaun adalah seperti di **Lampiran I.**

**REKOD KES KOMPAUN SELESAI**

12. Kes kompaun adalah disifatkan selesai sekiranya sejumlah amaun yang ditawarkan telah dibuat pembayaran, atau tempoh yang diberikan untuk pembayaran telah tamat dan penyediaan IP kes kompaun tersebut telah selesai. Pihak yang menerima bayaran hendaklah mengeluarkan suatu surat pemakluman kepada Ketua Pegawai Pengkompaun (KPP) dan salinan kepada Pegawai Pengkompaun (PP) selewat-lewatnya pada minggu pertama bulan berikutnya bagi membuktikan kompaun tersebut telah diselesaikan dan pengemaskinian rekod kompaun boleh dilakukan. Surat pemakluman ini hendaklah diadakan di setiap pejabat yang boleh membuat kutipan hasil. Contoh surat pemakluman adalah seperti di **Lampiran J.**

## PENARIKAN BALIK KOMPAUN

13. Menurut peraturan 5, [P.U. (A) 313/2000], Ketua Pengarah boleh menarik balik sesuatu tawaran pengkompaunan sebelum tawaran itu disetujui terima oleh orang yang ditujukan kepadanya kompaun itu dikeluarkan. Untuk tujuan tersebut, Ketua Pengarah bagi menjalankan kuasanya, boleh **mewakilkan kuasanya** kepada kepada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri, Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran Negeri atau Ketua Zon. Tatacara penarikan balik tawaran pengkompaunan adalah seperti di **Lampiran K**.

## PENGURANGAN BAYARAN KOMPAUN

14. Peraturan 6, [P.U. (A) 313/2000], memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengurangkan bayaran kompaun. Untuk tujuan tersebut, Ketua Pengarah bagi menjalankan kuasanya, boleh **mewakilkan kuasanya** kepada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran Negeri atau Ketua Zon. Tatacara pengurangan bayaran kompaun adalah seperti di **Lampiran L**.

15. Kadar pengurangan hendaklah tidak kurang daripada 50% daripada tawaran kompaun yang dikenakan dan tiada pengurangan diberikan bagi kesalahan yang berulang.

## PENYAMPAIAN KOMPAUN

16. Setiap tawaran kompaun hendaklah disampaikan kepada orang yang ditawarkan kompaun itu mengikut kaedah yang ditetapkan bawah **seksyen 61, Akta Perkhidmatan Bomba (Akta 341)**, atau **Arahan Penguatkuasa Bil. 1/1998: Penyampaian Notis dan Dokumen**. Tawaran pengkompaunan kepada mana-mana pemunya atau pelaku kesalahan yang tidak dapat ditemui pada masa kesalahan itu dilakukan, hendaklah disampaikan mengikut kaedah yang sama.

## TINDAKAN SEKIRANYA KOMPAUN TIDAK DIBAYAR

17. Jika tawaran kompaun itu tidak dibayar setelah tamat tempoh, Pegawai Pengkompaun hendaklah melaporkan perihal itu kepada Penolong Pengarah Negeri, Bahagian Penyiasatan Kebakaran dengan menggunakan **Borang KOM 6** dengan kadar segera atau selewat-lewatnya 21 hari selepas tamat tempoh tarikh kompaun tersebut perlu diselesaikan supaya suatu siasatan boleh dijalankan bagi tujuan pendakwaan ke mahkamah.

18. Penyediaan kertas siasatan hendaklah dilakukan bagi menyelesaikan kes kompaun tidak dibayar mengikut Perintah Tetap Ketua Pengarah Penyediaan Kertas Siasatan (IP) Bilangan 1 Tahun 2020 mengenai penyediaan kertas siasatan. Senarai semak untuk aduan kes kompaun tidak dibayar adalah seperti di **Lampiran E3**.

## TARIKH BERKUATKUASA

19. Perintah Tetap Ketua Pengarah Pengkompaunan Kesalahan Bilangan 2 Tahun 2020 ini mulai berkuatkuasa pada tarikh ia ditandatangani.

## PEMBATALAN

20. Dengan berkuatkuasanya Perintah Tetap Ketua Pengarah Pengkompaunan Kesalahan Bilangan 2 Tahun 2020 ini, maka Arahan Penyiasatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2011 adalah terbatal.

## PENUTUP

21. Perintah Tetap ini hendaklah dilaksanakan dengan berkesan dan cekap oleh pegawai-pegawai yang telah dipertanggungjawabkan, bagi meningkatkan tahap keberkesanan perkhidmatan jabatan dalam melaksanakan penguatkuasaan pengkompaunan kesalahan. Ketua Pengarah adalah berhak untuk meminda Perintah Tetap ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian jabatan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)**
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh: 24 Jun 2020

**Salinan kepada:-**

i. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).
ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan).
iii. Semua YS Pengarah Bahagian.
iv. Semua YS Pengarah Bomba Negeri.
v. Semua Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia.
vi. Semua Pegawai Pemerintah Pangkalan Udara JBPM.
vii. Semua Penolong Pengarah Negeri, Bahagian Penyiasatan Kebakaran.
viii. Semua Penolong Pengarah Negeri, Bahagian Keselamatan Kebakaran.
ix. Semua Ketua Zon.
x. Semua Ketua Balai.

Lampiran A

**Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba**
**(Pengkompaunan Kesalahan) 2000**
[*P.U. (A) 313/2000*]

M A L A Y S I A
Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA
HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
No. 17

**24hb Ogos 2000**

*TAMBAHAN No. 86*

*PERUNDANGAN (A)*

**P.U.(A) 313**

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(n) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]. Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (pengkompaunan Kesalahan) 2000

**Kesalahan yang boleh dikompaunkan**

2. Kesalahan di bawah subseksyen 22(3), 23(4), 25(2), 32(2), 32(5) dan 35A(3) dan di bawah seksyen 26, 33, 47, 51, 52 dan 55 Akta dan semua kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta boleh dikompaunkan.

**Borang**

3. Borang dalam Jadual hendaklah digunakan bagi mengkompaunkan kesalahan, tetapi tiada lencongan daripada borang itu boleh mentaksahkan atau menyentuh kesahan apa-apa pengkompaunan yang dibuat.

**Tempoh tawaran berkuat kuasa**

4. Sesuatu tawaran pengkompaunan habis tempoh pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tawaran, tetapi tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu diserahkan atau dihantar kepada orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

**Penarikan balik tawaran**

5. Ketua Pengarah boleh menarik balik sesuatu tawaran pengkompaunan sebelum tawaran itu disetujui terima.

**Pengurangan**

6. Atas permohonan orang yang kepadanya sesuatu tawaran pengkompaunan dibuat dan setelah menimbangkan faktor-faktor peringanan yang dikemukakan oleh orang itu, Ketua Pengarah boleh mengurangkan jumlah wang yang dinyatakan dalam tawaran itu.

**Bayaran**

7. (1) Seseorang yang menyetujui terima sesuatu tawaran untuk mengkompaunkan sesuatu kesalahan mesti membayar amaun yang dinyatakan dalan tawaran itu dalam bentuk wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang dibuat boleh dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Bayaran boleh dibuat dengan menyerahkannya sendiri kepada Ketua Pengarah atau Pegawai Bomba yang membuat tawaran pengkompaunan itu atau melalui pos.

(3) Jika bayaran dibuat melalui pos, bayaran itu hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.

(4) Resit rasmi bagi bayaran itu hendaklah dikeluarkan kepada orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat.

**Pembatalan**

8. (1) Peraturan-peraturan (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Perkhidmatan Bomba 1991 [*P.U.(A) 255/91*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun pembatalan dalam peraturan (1), sesuatu tawaran pengkompaunan yang dibuat mengikut Peraturan-peraturan yang dibatalkan di bawah subperaturan itu boleh disetujui terima dengan menggunakan borang penyetujuterimaan yang disertakan dengan tawaran itu.

JADUAL

(Peraturan 3)

(Bahagian Hadapan)

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2000

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUNKAN KESALAHAN

Kepada:

....................................................

....................................................

....................................................

Rujukan:.................................................................

Saya telah mendapati semasa pemeriksaan/ menerima maklumat bahawa anda telah melakukan kesalahan berikut:

# Seksyen / Subseksyen (Lihat bahagian belakang)

| 22(3) | 23(4) | 25(2) | 26 | 32(2) | 32(5) | 33 | 35A(3) | 47 | 52 | 55 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | |

++ Jika kesalahan di bawah mana-mana peraturan : (Lihat bahagian belakang)

| Peraturan-peraturan (Nama) | Peraturan (Nombor) |
|---|---|
| | |

Tarikh:.............................. Masa:............................ *pagi/petang:...................

Lokasi Kejadian:..........................................................................................................

2. Menurut kuasa yang diletakhakkan pada saya oleh seksyen 59 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, saya bersedia dan menawarkan untuk mengkompaun kesalahan ini dengan jumlah wang RM................(Ringgit:.......................................) jika anda mengaku telah melakukan kesalahan itu dan jika anda membuat permintaan dalam borang terlampir supaya kesalahan ini dikompaunkan.

3. Jika anda menerima tawaran ini, bayaran mesti dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang dibuat kena dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

4. Tawaran ini habis tempoh pada .....................................

5. Jika bayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 diterima pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam perenggan 4, tiada prosiding lanjut akan diambil terhadap anda berkenaan dengan kesalahan ini. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh.................................. ..............................................

@ Pegawai Pengkompaun

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia
Jalan Maharajalela
50648 Kuala Lumpur

Saya merujuk kepada notis tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan yang mengandungi rujukan ............................. dan bertarikh......................................................

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan yang disebut dalam notis itu dan meminta supaya kesalahan itu dikompaunkan.

3. Saya kemukakan bersama ini *wang tunai/kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/cek jurubank/draf bank no............................ bagi jumlah wang RM.........................
(Ringgit:...................................................................................) sebagai penyelesaian penuh jumlah wang yang disyaratkan dalam perenggan 2 notis tawaran itu.

Tandatangan:.......................................... Tarikh:.........................................

Nama dan Alamat:
.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
..............................................................................................

---

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan
# Tandakan (√) mana-mana yang berkenaan
@ Hendaklah ditandatangani oleh orang-orang yang diberi kuasa, yang mana nama dan jawatannya mestilah ditunjukkan di bawah tandatangannya
++ Nyatakan tajuk Peraturan-peraturan dan nombor peraturan yang berkaitan

(Bahagian Belakang)
Kesalahan Di bawah Akta

| SEKSYEN | PERIHAL |
|---|---|
| 22(3) | – Tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah supaya menyediakan kemudahan dan bekalan air untuk tujuan menentang kebakaran. |
| 23(4) | – Tidak memberi notis bertulis kepada Ketua Pengarah Negeri sebelum menjalankan kerja yang menjejaskan pili bomba (subseksyen 23(1)).<br>– Tidak menentukan supaya pili bomba berada dalam keadaan baik selepas menjalankan kerja yang menjejaskan pili bomba itu (subseksyen 23(2)). |
| 25(2) | – Enggan membenarkan pemasangan plat yang menunjukkan tempat pili bomba.<br>– Menggalang orang yang memasang plat itu.<br>– Mengalihkan atau mencacatkan plat itu selepas plat itu dipasang. |
| 26 | – Menutup, mengepung atau menyembunyikan pili bomba.<br>– Mengganggu pili bomba.<br>– Menggunakan pili bomba selain daripada tujuan menentang kebakaran. |
| 32(2) | – Sebelum memberikan notis kepada Ketua Pengarah, membuat perubahan material pada premis yang berkenaan dengannya perakuan bomba sedang berkuat kuasa. |
| 32(5) | – Tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah supaya langkah diambil untuk menjadikan kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran mencukupi. |
| 33 | – Tidak mempunyai perakuan bomba berkuat kuasa berkenaan dengan premis yang ditetapkan. |
| 35A(3) | – Tidak mematuhi perintah Ketua Pengarah supaya dihentikan kegiatan yang menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta. |
| 47 | – Tanpa kebenaran Pegawai Bomba, memasuki atau berada dalam premis yang telah diambil milik oleh Ketua Pengarah. |
| 51 | – Mengganggu Pegawai Bomba dalam perlaksanaan tugasnya. |
| 52 | – Tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai yang diberi kuasa. |
| 55 | – Merosakkan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendeaktifkan penggera kebakaran tanpa sebab munasabah. |

Kesalahan Di Bawah Mana-mana Peraturan (perihalkan perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan dan Peraturan-peraturan serta nombor peraturan yang berkaitan)

.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
.............................................................................................................................
...................................

Dibuat 20 April 2000.
[KPKT(S) 12/840/4: PN(PU) 471/III

DATO' SERI ONG KA TING
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

TERHAD

Lampiran B

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 48
No. 17

16hb Ogos 2004

*TAMBAHAN No. 85*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 281.**

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)*(n)* Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2004.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Ogos 2004.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) 2000 [*P.U. (A) 313/2000*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan—

*(a)* memotong perkataan "22(3)," selepas perkataan "subseksyen";

*(b)* menggantikan koma selepas perkataan "23(4)" dengan perkataan "dan";

*(c)* memotong perkataan "32(2), 32(5) dan 35A(3)" selepas perkataan "25(2),"; dan

*(d)* memotong perkataan "33", selepas perkataan "26,".



TERHAD

TERHAD



**Pindaan Jadual**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL

(Bomba 4A)

(Peraturan 3)

(Bahagian Hadapan)

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2004

*NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUNKAN KESALAHAN*

Kepada:

Rujukan: ....

Saya telah *mendapati semasa pemeriksaan/menerima aduan/menerima maklumat bahawa anda telah melakukan kesalahan berikut:

# Seksyen/Subseksyen (Lihat bahagian belakang)

| 23(4) | 25(2) | 26 | 47 | 51 | 52 | 55 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |

‡ Jika kesalahan di bawah mana-mana Peraturan (Lihat bahagian belakang)

| Peraturan (Nama) | Peraturan (Nombor) |
|---|---|
| | |

Tarikh: ... Masa: ..pagi/petang/malam.

2. Menurut kuasa yang terletakhak kepada saya oleh seksyen 59 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, saya bersedia, dan menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan ini dengan jumlah wang RM...................... (Ringgit: ........................................................) jika anda mengaku telah melakukan kesalahan itu dan jika anda membuat permintaan dalam borang terlampir supaya kesalahan itu dikompaunkan.



TERHAD

TERHAD



3. Jika anda menerima tawaran ini, bayaran mesti dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang dibuat kena dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan dipalang dengan ditulis perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

Tawaran ini habis tempoh pada

5. Jika bayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 diterima pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam perenggan 4, tiada prosiding selanjutnya akan diambil terhadap anda berkenaan dengan kesalahan ini. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh: ..........................................

@ Pegawai Pengkompaun

.(potong di sini).

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba 4B)
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 Putrajaya

Saya merujuk kepada notis tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan yang mengandungi rujukan.................................... dan bertarikh..................................

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan yang disebut dalam notis itu dan meminta supaya kesalahan itu dikompaunkan.

3. Saya kemukakan bersama ini* wang tunai/kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/cek jurubank/draf bank No. ................................................ bagi jumlah wang RM.......................... (Ringgit: ..........................................................) sebagai penyelesaian penuh jumlah wang yang disyaratkan dalam perenggan 2 notis tawaran itu.

Tandatangan: Tarikh:

Nama dan alamat:

---

* *Potong mana yang tidak berkenaan.*

\# *Tandakan (√) mana-mana yang berkenaan.*

‡ *Nyatakan tajuk Peraturan-Peraturan dan nombor peraturan berkaitan.*

@ *Hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Bomba yang diberikuasa dengan menyatakan nama dan jawatan di bawah tandatangan.*



TERHAD

TERHAD



(Bahagian Belakang)

Kesalahan Di Bawah Akta

| Seksyen | Perihal kesalahan |
|---|---|
| 23(4) | Tidak memberikan notis bertulis kepada Pengarah Negeri sebelum menjalankan kerja-kerja yang menjejaskan pili bomba (subseksyen 23(1)).<br>Tidak menentukan pili bomba berada dalam keadaan baik selepas dijalankan kerja yang menjejaskan pili bomba (subseksyen 23(2)). |
| 25(2) | Enggan membenarkan pemasangan plat pili bomba.<br>Menghalang orang yang memasang plat pili bomba.<br>Mengalihkan atau mencacatkan plat pili bomba. |
| 26 | Menutup, mengepung atau menyembunyikan pili bomba.<br>Mengganggu pili bomba.<br>Menggunakan pili bomba selain tujuan menentang kebakaran. |
| 47 | Tanpa kebenaran Pegawai Bomba, memasuki atau berada di dalam premis yang diambil milik oleh Ketua Pengarah. |
| 51 | Mengganggu Pegawai Bomba semasa melaksanakan tugasnya. |
| 52 | Tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh Pegawai yang diberikuasa. |
| 55 | Merosakkan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendeaktifkan penggera kebakaran tanpa sebab yang munasabah. |

Kesalahan di bawah mana-mana Peraturan (perihalkan perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan dan nama Peraturan serta nombor peraturan yang berkaitan)

Dibuat 24 Julai 2004
[KPKT(S) 12/840/4; PN(PU²)471/IV]

DATO' SERI ONG KA TING
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*



TERHAD

**Lampiran C**

## KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

| KESALAHAN (SEKSYEN/ SUBSEKSYEN) | PERIHAL KESALAHAN |
|---|---|
| 23(4) | (i) Tidak memberikan notis bertulis kepada Pengarah Negeri sebelum menjalankan kerja yang menjejaskan pili bomba [subseksyen 23(1)];<br>(ii) Tidak menentukan supaya pili bomba berada dalam keadaan baik selepas menjalankan kerja yang menjejaskan pili bomba itu [subseksyen 23(2)]. |
| 25(2) | (i) Enggan membenarkan pemasangan plat yang menunjukkan tempat pili bomba.<br>(ii) Menghalang orang yang memasang plat itu.<br>(iii)Mengalihkan atau mencacatkan plat pili bomba. |
| 26 | (i) Menutup, mengepung atau menyembunyikan pili bomba.<br>(ii) Mengganggu pili bomba.<br>(iii)Menggunakan pili bomba selain daripada tujuan menentang kebakaran. |
| 47 | Tanpa kebenaran Pegawai Bomba, memasuki atau berada dalam premis yang telah diambil milik oleh Ketua Pengarah. |
| 52 | Tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai yang diberi kuasa. |
| 55 | Merosakkan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendeaktifkan penggera kebakaran tanpa sebab munasabah. |

| KESALAHAN (PERATURAN) | PERIHAL KESALAHAN |
|---|---|
| 3(5) | Pemegang perakuan bomba yang memindahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai memindahkan atau menyerahkan perakuan bomba atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan perakuan bombanya. |
| 5(3) | Mana-mana orang yang tidak memberitahu Ketua Pengarah tentang kehilangan atau kemusnahan perakuan bomba dalam masa 14 hari. |
| 6(2) | Tidak mempamerkan perakuan bomba itu pada setiap masa di tempat yang ketara di mana-mana bahagian premis. |

Lampiran D

KADAR KOMPAUN YANG DITAWARKAN

| KESALAHAN (SEKSYEN/ SUBSEKSYEN) | PERIHAL KESALAHAN | KOMPAUN DITAWARKAN (BAGI KESALAHAN PERTAMA) RM | KOMPAUN DITAWARKAN (BAGI KESALAHAN BERULANG) RM |
|---|---|---|---|
| 23(4) | (i) Tidak memberikan notis bertulis kepada Pengarah Negeri sebelum menjalankan kerja yang menjejaskan pili bomba [seksyen 23(1)];<br>(ii) Tidak menentukan supaya pili bomba dalam keadaan baik selepas menjalankan kerja yang menjejaskan pili bomba itu [seksyen 23(2)]. | 200 | 500 |
| 25(2) | (i) Enggan membenarkan pemasangan plat pili bomba;<br>(ii) Menggalang mana-mana orang yang memasang plat pili bomba;<br>(iii) Mengalihkan atau mencacatkan plat pili bomba. | 100 | 400 |
| 26 | (i) Menutup, mengepung atau menyembunyikan pili bomba;<br>(ii) Mengganggu pili bomba;<br>(iii) Menggunakan pili bomba selain daripada tujuan menentang kebakaran. | 100 | 200 |
| 47 | Tanpa kebenaran Pegawai Bomba, memasuki atau berada dalam premis yang diambil milik oleh Ketua Pengarah. | 50 | 100 |

| KESALAHAN (SUBSEKSYEN) | PERIHAL KESALAHAN | KOMPAUN DITAWARKAN (BAGI KESALAHAN PERTAMA) RM | KOMPAUN DITAWARKAN (BAGI KESALAHAN BERULANG) RM |
|---|---|---|---|
| 52 | Tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai diberikuasa. | 100 | 200 |
| 55 | Merosakkan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendeaktifkan penggera kebakaran tanpa sebab munasabah. | 100 | 200 |
| 3(5) | Pemegang perakuan bomba yang memindahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai memindahkan atau menyerahkan perakuan bomba atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan perakuan bombanya. | 100 | 200 |
| 5(3) | Mana-mana orang yang tidak memberitahu Ketua Pengarah tentang kehilangan atau kemusnahan perakuan bomba dalam masa 14 hari. | 100 | 200 |
| 6(2) | Tidak mempamerkan perakuan bomba itu pada setiap masa di tempat yang ketara di mana-mana bahagian premis. | 100 | 200 |

**Jika kesalahan melibatkan kes yang berisiko tinggi atau keperluan mendesak, tindakan segera perlu diambil samada terus mengeluarkan Notis MBK atau terus membuka Kertas Siasatan (IP) hendaklah dilakukan.

**Lampiran E**

## TATACARA PENGKOMPAUNAN MENERUSI ADUAN

### PENDAHULUAN

1. Tatacara ini adalah merupakan pelaksanaan pengkompaunan kesalahan menerusi aduan atau laporan daripada orang awam atau Pegawai Bomba. Terdapat juga kes yang melibatkan orang awam membuat pelaporan sendiri secara terus kepada jabatan terhadap kesalahan yang telah dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja dan telah bersetuju jika tindakan pengkompaunan diambil.

### ADUAN MENGENAI KESALAHAN BOLEH KOMPAUN (BORANG KOM 1)

2. Mana-mana orang termasuklah Pegawai Bomba, boleh membuat aduan berkenaan suatu kesalahan yang boleh kompaun kepada jabatan dengan melengkapkan **Borang KOM 1**. Penyediaan Borang KOM 1 hendaklah dilakukan oleh Pegawai Bomba yang dipertanggungjawabkan di peringkat jabatan dengan mencatatkan butiran maklumat yang diperlukan. Proses aliran kerja pelaksanaan pengkompaunan kesalahan menerusi aduan adalah seperti di **Lampiran E1**.

3. Mana-mana aduan yang perlu melalui penyediaan laporan pengesahan daripada pihak polis atau mana-mana agensi berkaitan hendaklah mengambil tindakan awal bagi mendapatkan laporan tersebut. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan bersama dengan aduan yang dibuat.

### PENYEDIAAN FAIL KOMPAUN

4. Pegawai yang dipertanggungjawabkan hendaklah membuka suatu fail aduan pengkompaunan kesalahan mengikut kes aduan yang diterima. Fail hendaklah dilengkapi dengan pengisian butiran maklumat yang diperlukan, kertas minit, Borang KOM 1 yang lengkap dan bahan bukti yang jelas bagi rujukan semasa apabila diperlukan. Sekiranya aduan diterima daripada Pegawai Bomba yang membuat pemeriksaan berjadual maka maklumat-maklumat berkaitan hendaklah dilengkapkan dalam fail. Senarai semak penyediaan dokumen berkaitan adalah seperti di **Lampiran E2**.

5. Fail yang telah lengkap tersebut hendaklah dikemukakan kepada KPP untuk diteliti dan dibuat semakan sebelum sebarang tindakan lanjut boleh diambil. Tindakan penambahbaikan hendaklah dilakukan sekiranya terdapat kelemahan yang boleh diperbaiki di

peringkat awal atau boleh menjejaskan proses pendakwaan, sekiranya perlu. Senarai semak isi kandungan bagi penyediaan IP adalah seperti di **Lampiran E3**.

**PEMERIKSAAN ATAU PENYIASATAN MENGENAI ADUAN KESALAHAN**

6. KPP hendaklah mengarahkan PP atau mana-mana pegawai di bawah kawalan (pegawai berkenaan) untuk membuat suatu pemeriksaan atau penyiasatan atas aduan tersebut bagi memastikan kesahihannya. Arahan tersebut bolehlah dibuat menerusi minit bertulis atau surat kepada pegawai yang berkenaan.

7. PP atau pegawai berkenaan hendaklah menyediakan suatu laporan pemeriksaan atau penyiasatan lengkap dengan menggunakan **Borang KOM 2**.

**PENYEDIAAN BAHAN BUKTI**

8. Selain daripada bahan bukti sediada, PP atau pegawai berkenaan juga boleh menyediakan bukti tambahan seperti gambar, saksi, rakaman suara, video atau apa-apa dokumen lain bagi menyokong kesahihan fakta aduan untuk disertakan dengan laporan. Bukti tersebut hendaklah dicatatkan dalam **Borang KOM 2** berkenaan. Pengurusan bahan bukti hendaklah dibuat secara sah supaya boleh dijadikan suatu keterangan di mahkamah. Rujukan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) bolehlah dibuat untuk penjelasan lanjut.

**TIDAK WUJUD KESALAHAN (BORANG KOM 2)**

9. Jika pemeriksaan atau penyiasatan mendapati tiada bukti wujud kesalahan, fakta aduan meragukan, atau tiada syak perlakuan kesalahan maka PP atau pegawai berkenaan hendaklah membuat ulasan di kertas minit fail, berkenaan penemuan pemeriksaan atau siasatan. KPP atau PP juga boleh membuat keputusan bagi menutup kes aduan yang diterima dan merekod dalam sistem yang ditetapkan.

**WUJUD KESALAHAN (Bomba 4A)**.

10. Jika PP atau pegawai berkenaan berpuashati tentang wujudnya kesalahan boleh dikompaun dan tindakan pengkompaunan wajar dilakukan, maka **NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUNKAN KESALAHAN (Bomba 4A)** hendaklah dikeluarkan serta disampaikan kepada orang yang telah melakukan kesalahan tersebut. Sila rujuk butiran 9 Perintah Tetap.

**PEMAKLUMAN TINDAKAN (BORANG KOM 2)**

11. PP hendaklah melengkap dan memajukan Borang KOM 2 berserta salinan Bomba 4A kepada KPP sebagai pemakluman tindakan yang telah diambil atas aduan yang diterima.

**SISTEM REKOD PENGKOMPAUNAN KESALAHAN**

12. PP hendaklah merekodkan butiran pengkompaunan kesalahan dalam **BUKU REKOD UTAMA BUTIR-BUTIR KES KOMPAUN.** Buku rekod ini hendaklah sentiasa dibuat semakan dan pengemaskinian dari masa ke masa bagi memastikan kes pengkompaunan kesalahan diurus dengan berkesan dan cekap. Format dan pengisian maklumat buku rekod adalah seperti di **Lampiran E4**.

**Lampiran E1**

**Carta Alir Proses Kerja Pengkompaunan Secara Aduan**



**Lampiran E2**

**SENARAI SEMAK PELAPORAN ADUAN KOMPAUN**

| Bil. | Perkara | Ada (Lengkap) (√) | Ada (Tidak Lengkap) (√) | Tiada (√) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Aduan Mengenai Kesalahan Yang Boleh Dikompaunkan (KOM 1) | | | |
| 2. | Jadual Pemeriksaan (jika perlu) | | | |
| 3. | Surat Temujanji Pemeriksaan (jika perlu) | | | |
| 4. | Rakaman gambar bahan bukti asal dengan bilangan yang mencukupi (patuhi Sistem Rekod Bahan Bukti) | | | |
| 5. | Gambarajah Lakaran Kasar Lokasi Kesalahan | | | |
| 6. | Rakaman suara (jika perlu) | | | |

**Keputusan** : **Tolak** ☐ **Terima** ☐

**Catatan** : ...........................................................................................................
...........................................................................................................
...........................................................................................................

Disemak oleh:

